



## **Kenyataan Media**

### **MCMC LAKSANA SIASATAN AWAM MENGENAI CADANGAN STANDARD MANDATORI PENDAFTARAN PENGGUNA PRABAYAR**

**CYBERJAYA, 15 Oktober 2025** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan Siasatan Awam berhubung Cadangan Penentuan Suruhanjaya bagi Standard Mandatori untuk Pendaftaran Pengguna Perkhidmatan Selular Awam Prabayar.

Pelaksanaan Kertas Siasatan Awam (PI) dibuat selaras dengan Seksyen 55 dan 61 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi memastikan ketelusan, keterangkuman dan akauntabiliti dalam proses pembangunan Standard Mandatori.

Langkah ini memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk mengemukakan pandangan serta maklum balas terhadap piawaian yang dicadangkan, seterusnya membantu MCMC menilai kesesuaian, keberkesanan dan impaknya sebelum standard tersebut dimuktamadkan.

Standard Mandatori yang dicadangkan akan menggantikan Garis Panduan Pendaftaran Pengguna Prabayar 2017.

Standard baharu tersebut dibangunkan bagi memperkukuh integriti proses pendaftaran pengguna melalui pengenalan mekanisme keselamatan baharu menggunakan platform automatik yang selamat, iaitu *Multi-Factor Authentication* (MFA).

Di bawah peraturan baharu yang dicadangkan, MCMC akan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan bukan sahaja terhadap penyedia perkhidmatan, tetapi juga terhadap pengedar yang terlibat dalam proses pendaftaran pengguna akhir prabayar.

Langkah ini memastikan akauntabiliti merentasi keseluruhan rantaian pendaftaran, di mana pengedar turut tertakluk kepada obligasi di bawah Seksyen 51 AKM 1998, bagi mengurangkan risiko salah laku yang boleh menjejaskan perlindungan pengguna.

Selain itu, peraturan yang disemak semula turut memperkenalkan perlindungan tambahan bagi pengguna bawah umur. Individu berumur 12 hingga 17 tahun diwajibkan menjalani proses pendaftaran melalui ibu bapa atau penjaga sah.

Cadangan standard ini juga memperkenalkan had baharu terhadap jumlah kad SIM yang boleh didaftarkan atas nama seorang individu, sama ada warganegara Malaysia atau warga asing, sebagai langkah membendung penyalahgunaan kad SIM yang berterusan.

MCMC mengalu-alukan penyertaan aktif daripada semua pihak berkepentingan bagi memastikan standard yang dibangunkan adalah menyeluruh, praktikal serta sejajar dengan keperluan semasa industri telekomunikasi.

Pandangan dan maklum balas boleh dikemukakan melalui saluran yang dinyatakan dalam Kertas Siasatan Awam di <https://www.mcmc.gov.my/en/media/announcements/notice-public-inquiry-on-proposal-of-new-commiss> mulai sekarang sehingga 28 November 2025.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

